

---

## SIARAN MEDIA

### **MyCC MELANCARKAN KAJIAN SEMULA PASARAN BAGI INDUSTRI BORONG DAN RUNCIT**

**KUALA LUMPUR, 19 OGOS 2020** – Suruhanjaya Persaingan Malaysia ("MyCC") telah menyiarkan dapatan dan syor yang terkandung di dalam Kajian Semula Pasaran di bawah Akta Persaingan 2010 bagi Sektor Perkhidmatan (Borong dan Runcit untuk Produk Terpilih), selaras dengan seksyen 11 dan 12 AP 2010. Penyiaran Kajian Semula Pasaran ini telah dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB Datuk Alexander Nanta Linggi di Hotel Majestic di Kuala Lumpur hari ini.

Kajian pasaran ini dijalankan untuk lebih memahami struktur pasaran dan menilai aktiviti pasaran di sepanjang rantai bekalan untuk mengenal pasti sebarang perlakuan anti-persaingan dalam perdagangan borong dan runcit (WRT) bagi empat (4) produk terpilih iaitu makanan dan minuman (terproses); penjagaan diri dan kelengkapan peribadi; produk pembersihan rumah; dan pakaian. Kajian pasaran ini juga bertujuan untuk mengkaji semula mana-mana peraturan dan dasar yang mungkin menghalang persaingan dalam sektor ini di Malaysia.

Sebagai sebahagian daripada dapatan, MyCC telah mencadangkan syor untuk memperbaiki lagi proses persaingan bagi empat (4) produk terpilih untuk menyokong usaha-usaha Kerajaan dalam menangani kos sara hidup dan kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia.

Dapatan laporan telah mengenal pasti beberapa isu yang didorong oleh pasaran, yang mengetengahkan perubahan tabiat pembelian pengguna Malaysia ke platform digital dan e-dagang disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian pasaran ini menunjukkan bahawa platform dalam talian dapat mengurangkan kos operasi, yang secara tidak langsung akan membawa kepada penurunan harga untuk pengguna. Walau bagaimanapun, pemain industri tidak cekap dan mampu untuk

menangani trend baharu ini; selain terpaksa berhadapan dengan wabak COVID-19 serta terus dibebani dengan pengenalan cukai digital.

Dapatan laporan ini juga telah mengenal pasti isu-isu utama yang didorong oleh pengawalseliaan di mana rakyat Malaysia, khususnya perniagaan, masih tidak menyedari kesan dan kandungan Akta Persaingan 2010 dan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Laporan tersebut telah mengemukakan beberapa syor awal yang meliputi, memudahkan pembaharuan struktur untuk memastikan kecekapan dan daya tahan; memupuk persekitaran yang kompetitif ke arah amalan terbaik industri; menetapkan dasar dan peraturan progresif yang memberi kesan positif jangka panjang; dan memastikan peraturan dan undang-undang bagi industri WRT sentiasa dikemaskini.

"Syor yang dinyatakan dalam laporan itu adalah penting untuk mengurangkan bebanan peraturan tidak perlu dan birokrasi; bagi menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan sektor perniagaan di Malaysia terutamanya dalam industri WRT", kata Iskandar Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC.

MyCC juga percaya bahawa kajian ini merupakan rujukan penting bagi para pembuat dasar sesuai dengan usaha Kerajaan untuk menangani masalah yang didorong oleh pasar dan berdasarkan peraturan di sektor perkhidmatan. Kajian ini dimulakan pada bulan Julai 2019 dan telah melalui analisis yang meluas, beberapa sesi dialog dan pertemuan dengan pihak berkepentingan utama dalam sektor perkhidmatan; termasuk kementerian yang berkaitan; agensi kerajaan; persatuan industri dan pengguna; dan pemain industri.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai dapatan kajian pasaran, sila dapatkan di laman web MyCC di [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my)

-tamat-

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

Noor Azila Ahmad, Tel +603 2273 2277 (ext 111),

Emel: [azila@mycc.gov.my](mailto:azila@mycc.gov.my)

**Bahagian Komunikasi dan Advokasi**

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia**

**Mengenai MyCC**

Ditubuhkan pada April 2011, Suruhanjaya Persaingan ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan.

Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan. Maklumat lanjut mengenai MyCC, layari laman sesawang [www.mycc.gov.my](http://www.mycc.gov.my).

**Nota Pengarang:**

**Maklumat mengenai Seksyen 11 dan 12 Akta Persaingan 2010. Maklumat lanjut mengenai kajian semula pasaran seperti di bawah.**

***Seksyen 11: Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran***

11. (1) Suruhanjaya boleh, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan Menteri, menjalankan suatu kajian semula terhadap mana-mana pasaran untuk menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.
- (2) Kajian semula itu termasuklah kajian mengenai—
  - (a) struktur pasaran yang berkenaan;
  - (b) perlakuan perusahaan dalam pasaran;
  - (c) perlakuan pembekal dan pelanggan kepada perusahaan dalam pasaran; atau
  - (d) apa-apa perkara berkenaan yang lain.

***Seksyen 12: Keputusan kajian semula pasaran***

12. (1) Apabila selesai kajian semula pasaran itu, Suruhanjaya hendaklah menyiarkan laporan dapatan dan syornya.
- (2) Laporan Suruhanjaya itu hendaklah dijadikan tersedia kepada orang awam.